

4

KAJIAN KEPIMPINAN POLITIK

Bab ini membincangkan hasil kajian sarjana-sarjana terdahulu dan sebelum kajian ini mengenai tajuk yang sama atau hampir sama dengan tema buku ini tentang kepimpinan politik wakil rakyat. Penelitian ke atas karya lepas bertujuan menilai persamaan dan perbezaan kajian ini dengan kajian sebelumnya. Terdapat banyak kajian mengenai kepimpinan politik terutama di Barat dan begitu juga di Malaysia walaupun dari pelbagai dimensi yang berbeza. Namun, kajian secara langsung tentang kepimpinan wakil rakyat atau perwakilan khususnya dalam sistem politik demokrasi berparlimen sangat terhad. Di Malaysia, boleh dikatakan kajian tentang kepimpinan politik wakil rakyat tiada langsung. Justeru itu, buku ini dihasilkan untuk menjadi salah satu sumber bagi pengkaji-pengkaji akan datang bagi yang meminati bidang kajian kepimpinan politik sebagai asas dalam mereka bentuk kajian, skop dan tema penyelidikan, di samping memformulasikan tajuk yang lebih terperinci dalam kajian masing-masing kelak.

Dalam bab ini, sumber literatur dipilih secara selektif agar dapat menggambarkan keadaan, ciri dan sistem kepimpinan politik di negara demokrasi (berparlimen) yang berhadapan dengan pelbagai cabaran. Sorotan karya dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu: (i) negara sedang membangun; (ii) negara maju; dan (iii) Malaysia.

KEPIMPINAN POLITIK DI NEGARA SEDANG MEMBANGUN

Kepimpinan Politik di Nigeria

Dalam kajiannya tentang kepemimpinan politik, Ogbeidi (2012) menganalisis perkembangan politik demokrasi di Nigeria yang tidak pernah stabil sejak merdeka pada tahun 1963. Kuasa pemerintahan pula silih berganti antara kerajaan awam dengan kerajaan tentera. Pemimpin tentera hilang kepercayaan kepada kerajaan awam disebabkan rasuah yang telah berakar umbi dan menjadi 'virus maut' dalam politik di Nigeria hingga mendorong tentera merampas kuasa. Malangnya, apabila berkuasa, kerajaan tentera juga terlibat dalam rasuah. Hal ini sekali lagi mendorong rampasan kuasa dilakukan untuk membetulkan keadaan, tetapi kesudahannya tetap sama iaitu dibelenggu rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Rasuah telah merebak ke semua peringkat dalam sektor awam atau swasta. Kesannya, rakyatlah yang menjadi mangsa dan hidup dalam kemiskinan. Oleh itu, novelis terkenal Chinua Achebe dalam karyanya *'The Trouble with Nigeria'* menyelar kesusahan rakyat Nigeria kerana diperintah oleh pemimpin yang buruk.

Analisis Ogbeidi tentang kepemimpinan politik dan rasuah di Nigeria melalui empat republik yang melibatkan peralihan kuasa dari awam kepada tentera kepada awam semula. Republik Pertama bermula selepas merdeka di bawah pemerintahan Perdana Menteri Sir Abubakar Tafawa Balewa dan Presiden Nnamdi Azike. Kemudian dijatuhkan oleh Jeneral Aguiyi Ironsi melalui rampasan kuasa pada 15 Januari 1966. Ironsi pula digulingkan oleh Jeneral Yakubu Gowon yang kemudiannya digulingkan pula oleh Jeneral Murtada Mohammed pada Julai 1975 juga menerusi rampasan kuasa. Setelah Mohammed dibunuh, Nigeria diperintah oleh Jeneral Olusegun Obasanjo. Obasanjo kemudian menyerahkan kuasa kepada kerajaan awam yang diterajui oleh Presiden Shehu Shagari dan bermulalah Republik Kedua.